



# PERSIDANGAN STATISTIK MALAYSIA KALI KE 9

Jabatan Perangkaan Malaysia

Mendepani Ketidakpastian: Merungkai Strategi Pemulihan

4 OKT 2022  
(SECARA MAYA)

&  
5 OKT 2022  
(ILSM, SUNGKAI, PERAK)



## KESAN COVID-19 TERHADAP SEKTOR PELANCONGAN DI LANGKAWI, KEDAH

Shahbani bin Ibrahim (Jabatan Perangkaan Negeri Kedah)

### ABSTRAK

Krisis kesihatan pandemik COVID-19 menjelaskan ekonomi dan keseluruhan kehidupan masyarakat (Baruun, 2020). Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) serta kebimbangan penduduk tempatan menjelaskan aktiviti pelancongan. Justeru itu, pelan pemulihan diperlukan untuk mengembalikan status ekonomi tersebut. Kajian ini bertujuan mengenalpasti kesan COVID-19 terhadap sektor pelancongan di Langkawi berdasarkan analisa penerbitan mengenai bilangan ketibaan pelawat dan bilangan pelawat yang menginap di hotel. Hasil kajian mendapat aktiviti perniagaan terkesan oleh pandemik COVID-19 seperti yang ditunjukkan dengan penurunan 1.8% keluaran dalam negeri kasar (KDNK) dalam sektor perkhidmatan. Ini jelas menunjukkan subsektor perkhidmatan berkaitan pelancongan seperti subsektor perdagangan borong dan runcit, makanan & minuman dan penginapan turut terjejas. Untuk memulihkan sektor pelancongan, Pelan Tindakan Pemulihan Ekonomi Langkawi (PTPEL) melalui program Gelembung Pelancongan, Langkawi, Pelan Hala Tuju Ekonomi Langkawi (HELANG), dan Pelan Pemulihan Pelancongan Langkawi (T-REC) 2021-2022 telah dilaksanakan. Keberkesaan PTPEL dapat dilihat melalui peningkatan ketibaan pelancong dan kadar inapan di hotel-hotel Langkawi majoriti pelancong domestik.

### KAEDAH KAJIAN

- Menganalisa kadar KDNK sektor perkhidmatan negeri Kedah pada tahun 2015 hingga 2021
- Mengkaji data dalam sektor pelancongan di Langkawi pada tahun 2017 hingga 2022

### PENYATAAN MASALAH

Ekoran PKP dan kegusaran penularan wabak, sebahagian besar rakyat Malaysia membatalkan rancangan untuk bercuti walaupun percutian melibatkan dalam negara sahaja.

### OBJEKTIF

**Objektif am:**  
Mengenal pasti kesan COVID-19 terhadap sektor pelancongan di Langkawi.

**Objektif spesifik:**

Melihat kesan COVID-19 terhadap kemasukan pelawat ke Langkawi.

### HASIL KAJIAN


Carta 1 : KDNK Aktiviti Perkhidmatan Negeri Kedah 2015- 2021  
(Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia)



Jadual 1 : Jumlah pelawat domestik dan jumlah terima dari perlancongan domestik, Kedah 2017-2020  
(Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia)

STATISTIK	2017	2018	2019	2020	2021
Bilangan pelawat domestik ('000)	13305	14480	14831	10108	4023
Peratus perubahan tahunan pelawat domestik	8.84	2.42	-32	-60.2	
Jumlah terima (RM juta)	4471	4724	5208	2273	842
Peratus perubahan tahunan jumlah terima (%)	5.7	10.2	-56.4	-63	

Carta 2 : Jumlah pelawat ke Langkawi, 2017-2022 (Sumber: Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA))



Jadual 2: Bilangan pelawat menginap di hotel sekitar Langkawi, 2017-2021  
(Sumber: Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA))

TAHUN	DOMESTIK	LUAR NEGARA	JUMLAH	JUMLAH PELANCONG	KADAR PERUBAHAN (%)
2017	1,556,528	1,355,975	2,912,503	3,679,158	79.2
2018	1,569,617	1,540,516	3,110,133	3,628,951	85.7
2019	1,576,487	1,538,440	3,114,927	3,924,326	79.4
2020	1,199,946	363,541	1,563,487	1,804,556	86.6
2021	722,266	6,613	728,879	1,093,937	66.4

### PERBINCANGAN

- I. Penurunan KDNK di Kedah dalam sektor perkhidmatan sebanyak -3.5% pada tahun 2020 dan meningkat semula sebanyak 1.9% pada tahun 2021 (Carta 1). Penyusutan KDNK perkhidmatan sejajar dengan pengurangan bilangan pelawat domestik sehingga 50%. Jumlah terima melalui pelancongan domestik Kedah menurun sebanyak 56.4% dari kutipan RM 5208 juta ke RM 2273 juta pada tahun 2020 (Jadual 1) (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022).
- II. Trend penurunan yang sama dilihat pada bilangan jumlah pelawat ke Langkawi (Carta 2) (LADA, 2020). Menurut Harian Metro, majoriti pengusaha pelancongan mengalami kerugian sehingga terpaksa menutup premis dan melaksanakan pemberhentian pekerja (Osman, H. 2021).
- III. Rentetan dari pandemik, kerajaan persekutuan melalui LADA serta kerajaan negeri telah memperkenalkan Pelan Tindakan Pemulihan Ekonomi Langkawi (PTPEL) (LADA, 2020).
- IV. Kehadiran pelawat pada bulan Disember 2021 menunjukkan peningkatan sebanyak 22.2% berbanding tahun 2020 (Carta 2).
- V. Keberkesaan PTPEL dapat dilihat dari peningkatan kadar pelancong menginap di hotel menghampiri jumlah pelancong pada tahun sebelum penularan COVID-19 (Jadual 2). Kadar pelawat memilih untuk menginap di hotel adalah sebanyak 66.4% bagi tahun 2021 dan angka ini menghampiri 79.4% pada tahun 2019 (LADA, 2020).

### KESIMPULAN

Kesimpulannya, Langkawi perlu memberi fokus dalam mempertingkatkan promosi bagi menarik pelancong tempatan serta memperbaikkan tarikan pelancong seperti mempromosikan tempat rekreasi, pelayaran, sukan memancing, geopark dan sebagainya. Penggunaan teknologi tinggi seperti sistem siren amaran perlu diperluaskan dalam usaha mencegah dan mengawal penularan COVID-19 agar perancangan pemulihan ekonomi boleh dicapai.

### RUJUKAN

- Jabatan Perangkaan Malaysia, (2022). Laporan Sosioekonomi Negeri Kedah 2021, 80-84
- Osman, H. (2021, Mac 5). Harian Metro, 23 buah hotel gulung tikar di Langkawi akibat COVID-19. Diakses pada Oktober 2, 2022 dari <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/03/680891/23-hotel-gulung-tikar-di-langkawi-akibat-covid-19>
- Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), (2020, Mei 31). Pelan Tindakan Pemulihan Ekonomi Langkawi. <https://www.lada.gov.my/pelan-tindakan-pemulihan-ekonomi-langkawi/>
- Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), (2020, Ogos 15). Majlis Pelancaran Inisiatif Perlancongan Di Bawah Pelan Hala Tuju Ekonomi Langkawi Helang. <https://www.lada.gov.my/majlis-pelancaran-inisiatif-pelancongan-di-bawah-pelan-hala-tujukekonomi-langkawi-helang/>
- Baruun, M.T. & Mohd Balwi, M.A.W.F (2020). Potensi Dan Cabaran Perniagaan E-Dagang Pasca COVID-19: Suatu Cadangan Penyelesaian. *Online Journal of Islamic Management And Finance*, Vol 1, No.1. 1-12

